

**Ekonomi**  
**Kertas 1**  
**November**  
**2022**  
**1 ¼ Jam**



**SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SELINSING,**  
**34400 SIMPANG EMPAT, SEMANGGOL, PERAK**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM**

**2022**

---

**EKONOMI**

**KERTAS 1**

**(3767/1)**

**1 JAM 15 MINIT**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

**NAMA** : \_\_\_\_\_

**KELAS** : \_\_\_\_\_

**Arahan:**

1. Kertas soalan ini mengandungi **40 soalan**.
2. Jawab **semua** soalan.

---

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak

Arahan: Jawab **semua** soalan

1. Ilmu ekonomi mengkaji bagaimana manusia
  - A Menggunakan wang bagi meningkatkan tabungan masa depan
  - B Menyeimbangkan pelbagai kehendak dengan sumber ekonomi yang ada
  - C Mengurangkan jurang perbezaan antara golongan kaya dengan golongan miskin
  - D Menghasilkan keluaran dengan menggunakan faktor pengeluaran secara maksimum
2. Maklumat berikut menunjukkan pilihan teknik pengeluaran Syarikat X.

Keluaran (unit)	Intensif Buruh	Intensif Modal
Baju	100	60
Seluar	60	100

Apakah kos lepas yang dihadapi oleh Syarikat X sekiranya teknik intensif modal digunakan?


- A 40 unit baju
  - B 60 unit baju
  - C 100 unit seluar
  - D 160 unit seluar
3. Maklumat berikut berkaitan dengan penyelesaian masalah asas ekonomi sebuah firma.

- Mengeluarkan barang dengan cara memaksimumkan keuntungan
- Bergantung kepada corak agihan pendapatan

Apakah masalah asas ekonomi yang dapat diselesaikan oleh firma tersebut?

- I Apa yang hendak dikeluarkan
  - II Berapa yang hendak dikeluarkan
  - III Bagaimana hendak dikeluarkan
  - IV Untuk siapa dikeluarkan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
4. Mengapakah sistem ekonomi pasaran bebas lebih baik daripada sistem ekonomi perancangan pusat?
    - A Sumber diagihkan secara adil
    - B Keseimbangan agihan pendapatan
    - C Pengeluaran barangan berskala besar
    - D Kecekapan dalam penggunaan sumber
  5. Pernyataan manakah yang betul tentang permintaan berkesan?
    - A Kehendak yang tidak terhad
    - B Minat terhadap sesuatu barangan
    - C Keperluan yang perlu dipenuhi
    - D Kemampuan memiliki barang

6. Rajah 1 di bawah menunjukkan keluk permintaan bedak jenama Sufiah.



**Rajah 1**

Apakah yang akan berlaku ke atas titik-titik pada keluk permintaan jika kerajaan menurunkan cukai pendapatan individu.

- A Titik F beralih ke titik G
- B Titik F beralih ke titik E
- C Titik G beralih ke titik E
- D Titik G beralih ke titik H

7. Jadual 1 di bawah menunjukkan kuantiti permintaan dan kuantiti penawaran pasaran bagi suatu barang.

Harga (RM)	Kuantiti Permintaan (unit)	Kuantiti Penawaran (unit)
1.20	12	6
1.50	9	9
1.70	6	12
2.00	3	15

**Jadual 1**

Pernyataan manakah yang betul tentang makluman dalam jadual di atas?

- A Harga cenderung naik pada tingkat harga RM1.20
- B Keseimbangan dicapai pada tingkat harga RM1.70
- C Harga cenderung turun pada tingkat harga RM1.50
- D Berlaku lebihan permintaan pada tingkat harga RM2.00

8. Jadual 2 menunjukkan peratus perubahan harga dan peratus perubahan kuantiti bagi penawaran barang A dan barang B.


Barang	Peratus perubahan harga	Peratus perubahan kuantiti
A	50	35
B	40	60

**Jadual 2**

Maklumat manakah yang betul tentang barang A dan barang B?

- A Peratus perubahan kuantiti lebih kecil daripada peratus perubahan harga bagi barang B
  - B Pekali keanjalan barang A ialah kurang daripada 1
  - C Jenis keanjalan barang B ialah tak anjal
  - D Keluk penawaran barang A lebih landai
9. Apabila harga sesuatu barang meningkat sebanyak 40%, kuantiti barang yang ditawarkan akan bertambah dari 5 unit ke 10 unit.  
Berapakah nilai keanjalan harga penawaran barang tersebut?
- A 0.4
  - B 0.8
  - C 1.25
  - D 2.50
10. Pilih penentu yang menyebabkan sesuatu barang mempunyai keanjalan harga penawaran yang tidak anjal.
- A Bilangan firma dalam pasaran adalah banyak
  - B Faktor pengeluaran mudah diperolehi dan ditambah
  - C Penawaran barang berlaku dalam jangka masa panjang
  - D Penawaran barang melibatkan pertambahan kos pengeluaran yang sangat besar

11. Rajah 2 menunjukkan perubahan penawaran akibat pemberian subsidi oleh pihak kerajaan.



**Rajah 2**

Berapakah jumlah subsidi yang dinikmati oleh pihak pengeluar?

- A  $P_1P_0LE_1$
- B  $P_1JKE_1$
- C  $P_0JKL$
- D  $P_1P_0E_0E_1$

12. Gambar 1 di bawah berkaitan dengan fungsi wang.



Gambar 1

Apakah fungsi wang berdasarkan maklumat di atas?

- A Alat simpanan nilai dan alat bayaran tertunda
- B Alat ukuran nilai dan alat perantaraan pertukaran
- C Alat simpanan nilai dan alat perantaraan pertukaran
- D Alat ukuran nilai dan alat bayaran tertunda

13. Padanan yang manakah benar tentang kaedah pembayaran oleh bank perdagangan.

	Debit Langsung	Pindahan Kredit
A	Pelanggan boleh mengarah bank membuat bayaran yang tidak tetap jumlahnya	Pembayaran gaji dan elaun pekerja oleh majikan
B	Pelanggan mengarah bank untuk membayar ansuran kereta	Pelanggan membuat bayaran gaji pekerja secara tunai
C	Bank menyediakan kemudahan kepada pelanggan mengeluarkan wang lebih daripada baki simpanan	Pemegang akaun semasa mengarah bank membuat bayaran yang tetap dan berulang pada tarikh yang ditetapkan
D	Bayaran bulanan yang tetap	Merupakan cek yang dikeluarkan oleh bank

14. Maklumat di bawah berkaitan dengan penggunaan pendapatan boleh guna.

- Perbelanjaan penggunaan
- X

Apakah X?

- A Perkhidmatan
- B Barang tahan lama
- C Keperluan dan kehendak
- D Tabungan



21. Maklumat di bawah berkaitan dengan produktiviti.

Syarikat Jana Utama Sdn Bhd telah melakukan penambahbaikan untuk meningkatkan produktiviti dengan mengadakan pelbagai kursus dan latihan sumber manusia selaras dengan penggunaan mesin canggih yang baharu diimport dari Jepun.

Tindakan tersebut berkaitan dengan faktor

- I Tanah
- II Buruh
- III Modal
- IV Usahawan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

22. Gambar 2 di bawah menunjukkan satu projek pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan.



Gambar 2

Berikut adalah tujuan kerajaan melaksanakan projek tersebut, **kecuali**

- A Menguatkuasakan undang-undang dan peraturan
- B Kerajaan berperanan sebagai pengeluar
- C Mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan
- D Meningkatkan kebajikan dan taraf hidup rakyat

23. Apakah kesan pelaksanaan subsidi oleh kerajaan dalam mengawal selia eksternaliti negatif?

- A Menggalakkan penggunaan teknik pengeluaran berasaskan teknologi hijau
- B Menempatkan secara khusus kawasan perindustrian di kawasan tertentu
- C Menetapkan harga yang lebih rendah daripada harga keseimbangan
- D Mengisytiharkan barang penggunaan sebagai barang kawalan

24. Maklumat di bawah berkaitan sejenis pengangguran.

Isu pengangguran terutama melibatkan graduan bukan kerana kekurangan pekerjaan tetapi berpunca daripada sikap terlalu memilih pekerjaan.


Pernyataan manakah yang berkaitan dengan pengangguran di atas?

- A Pengangguran bersifat jangka panjang
- B Peluang mendapat gaji yang tinggi menjadi keutamaan
- C Kemelesetan ekonomi telah menutup peluang graduan untuk mendapatkan pekerjaan
- D Kebanyakan firma menggantikan penggunaan buruh kepada mesin dalam pengeluaran

25. Situasi yang manakah betul berkaitan cukai langsung yang diterima kerajaan?

- A Mustapha seorang pengeksport kelapa sawit membuat bayaran untuk mengeksport kelapa sawit ke India
- B Anis perlu membuat potongan bulanan kepada LHDN kerana gaji diterimanya melebihi nilai yang telah ditetapkan
- C Suhana perlu membayar duti kerana membeli kenderaan yang diimport dari luar negara
- D Imran perlu membelanjakan bayaran levi kerana menggunakan pembantu rumah dari Indonesia

26. Rajah 3 di bawah menunjukkan dua dasar ekonomi bagi mengawal ketidakstabilan ekonomi.



Rajah 3

Bagaimanakah **Dasar X** membantu mencapai kestabilan ekonomi?

- A Menaikkan kadar cukai
- B Mengetatkan syarat sewa beli
- C Menurunkan nisbah rizab tunai
- D Mengurangkan perbelanjaan kerajaan

27. Semasa berlaku pandemik Covid-19, faktor yang manakah paling kurang memberi sumbangan dalam menggalakkan perkembangan globalisasi?

- A Peranan kerajaan
- B Teknologi maklumat dan komunikasi
- C Infrastruktur pengangkutan
- D Pelancongan

28. Apakah kesan negatif daripada wujudnya pelaburan asing di Malaysia?

- A Negara yang menerima pelaburan asing senang mengawal aliran keluar untung
- B Penerokaan dan pengeluaran sumber alam yang boleh dikawal
- C Syarikat-syarikat gergasi akan menguasai sektor-sektor yang menguntungkan
- D Imbangan pembayaran memberi kesan positif



29. Antara yang berikut, manakah manfaat yang diperolehi Malaysia apabila melakukan kerjasama dengan negara asing?

- I Meningkatkan aktiviti lambakan
  - II Menambahkan peluang pekerjaan
  - III Menggalakkan perkongsian teknologi
  - IV Meningkatkan aliran untung ke luar negara
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

30. Gambar 3 di bawah berkaitan dengan produk jenama tempatan.



Gambar 3

Apakah strategi yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan untuk membolehkan produk jenama tempatan bersaing di peringkat global?

- A Mengurangkan tarif yang sedia ada
- B Mengawal kadar tukaran wang asing
- C Memberi subsidi kepada pengusaha tempatan
- D Meningkatkan kuota terhadap barangan yang diimport

31. Antara berikut, yang manakah merupakan perbelanjaan mengurus kerajaan?

- I Perbelanjaan pendidikan dan latihan
  - II Pemberian kepada setiap kerajaan negeri
  - III Perbelanjaan ubahsuai ruang pejabat
  - IV Pembayaran hutang dalam dan luar negara
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

32. Jadual 3 menunjukkan akaun semasa Malaysia bagi tahun 2018 dan 2019.

Butiran	2018 (RM juta)	2019 (RM juta)
Barangan	119 182	123 334
Perkhidmatan	- 17 726	- 10 922
Pendapatan Primer	- 51 586	- 40 922
Pendapatan Sekunder	- 19 282	- 21 295

**Jadual 3**

Pernyataan manakah yang benar?

- A Pada tahun 2018, akaun semasa mengalami defisit sebanyak RM30 588 juta
- B Pada tahun 2019, akaun semasa mengalami lebihan sebanyak RM30 588 juta
- C Imbangan akaun semasa mengalami defisit pada tahun 2019 berbanding 2018 sebanyak 64.10%
- D Imbangan akaun semasa mengalami lebihan pada tahun 2019 berbanding 2018 sebanyak 64.10%

33. Jadual 4 di bawah menunjukkan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia dengan Yen Jepun.

Unit	Mata Wang (¥)	Harga Belian (RM)	Harga Jualan (RM)
1	100 Yen Jepun	3.6626	3.6663

**Jadual 4**

Encik Tahir hendak melancong ke Tokyo, Jepun dan ingin menukar RM20 000 kepada Yen Jepun.

Berapakah jumlah Yen Jepun yang Encik Tahir peroleh?

- A ¥ 546 606.18
- B ¥ 5 455.10
- C ¥ 545 509.10
- D ¥ 73 326.00

Soalan 34 hingga soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual di bawah.

Pilihan	Pilihan I	Pilihan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

34. I Isi rumah membuat pilihan kerana menghadapi masalah kekurangan sumber modal  
 II Pilihan yang dibuat oleh isi rumah bermatlamat untuk memaksimumkan kebajikan masyarakat
35. I Penawaran tak anjal mempunyai nilai pekali keanjalan harga lebih besar daripada 1  
 II Penawaran tak anjal mempunyai peratus perubahan harga yang lebih besar daripada peratus perubahan kuantiti
36. I Pengeluaran merupakan proses menghasilkan output melalui penggabungan sejumlah input tertentu  
 II Proses menghasilkan output dalam pengeluaran dapat ditingkatkan dengan menambahkan bilangan mesin dalam jangka pendek
37. I Produktiviti merujuk kepada nisbah penggunaan input kepada output yang dihasilkan  
 II Produktiviti akan meningkat apabila proses pengeluaran disokong dengan penggunaan teknologi
38. I Inflasi menyebabkan pendapatan benar masyarakat menurun  
 II Inflasi menyebabkan kos hidup masyarakat menurun
39. I Alat dasar kewangan adalah satu dasar kerajaan yang dilaksanakan melalui perubahan kadar cukai dan perbelanjaan kerajaan  
 II Alat dasar kewangan mengembang dilaksanakan bertujuan untuk mengawal tekanan inflasi negara
40. I Akaun semasa ialah akaun yang merekod penerimaan dan pembayaran kewangan antara sesebuah negara dengan negara lain dalam tempoh setahun  
 II Akaun semasa terdiri daripada akaun barangan, akaun perkhidmatan dan akaun pendapatan

\*\*\*\*\*KERTAS SOALAN TAMAT\*\*\*\*\*